



TEKS UCAPAN
YAB DATUK SERI UTAMA HAJI SULAIMAN BIN MD ALI
KETUA MENTERI MELAKA
SEMPENA
MAJLIS PENYAMPAIAN SUMBANGAN
BANTUAN RAMADAN PARLIMEN KOTA MELAKA
TARIKH: 3 MEI 2021 (ISNIN), JAM: 5.00 PETANG
DI JAPERUN DUYONG

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

**Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh,
Salam Sejahtera dan Salam Melakaku Maju Jaya, Rakyat
Bahagia, Menggamit Dunia.**

Terima kasih Pengacara Majlis;

(SALUTASI DISEDIAKAN DI ATAS ROSTRUM)

MUKADIMAH

1. Alhamdulillah, diam tak diam, hari ini merupakan hari yang ke-21 kita berpuasa iaitu bersamaan 21 Ramadan 1442H. Marilah kita bersama-sama mengucapkan setinggi-tinggi kesyukuran ke hadrat Allah S.W.T kerana dengan limpah kurnia dan inayah-Nya, kita diberikan nikmat kesihatan yang baik, sekali gus berkesempatan untuk hadir ke Majlis Penyampaian Sumbangan Bantuan Ramadan Parlimen Kota Melaka bagi tahun 2021 ini.

2. Terlebih dahulu, bagi pihak Kerajaan Negeri Melaka, saya merakamkan ucapan terima kasih dan penghargaan kepada pihak urus setia yang menjayakan majlis yang cukup bermakna ini dengan baik. Semoga usaha yang mulia ini diberkati oleh Allah S.W.T.

3. Terima kasih juga saya ucapkan kepada dif-dif jemputan serta semua penerima sumbangan yang dapat hadir di majlis ini.

Tuan-tuan dan puan-puan yang saya kasihi sekalian,

BULAN RAMADAN

4. Bulan Ramadan adalah bulan kerahmatan, bulan maghfirah (keampunan) dan bulan yang membawa pelbagai keberuntungan. Ramadan adalah bulan yang ditunggu-tunggu oleh seluruh umat Islam saban tahun, kerana bulan ini adalah bulan istimewa yang penuh dengan keberkatan. Oleh itu, sambutlah Ramadan dengan penuh kegembiraan kerana pintu kebaikan dibuka seluas-luasnya dengan gandaan pahala yang ditawarkan kepada mereka yang melakukan kebaikan dalam bulan Ramadan seperti **sabda Rasulullah SAW** yang bermaksud,

“Sesiapa yang berpuasa Ramadhan kerana iman dan ketaatan kepada Allah, serta mengharapkan keredhaannya, akan diampunkan semua dosanya yang telah lepas.”

(Hadith Riwayat al-Bukhari dan Muslim)

5. Justeru, seperti yang dijanjikan oleh Allah S.W.T, bulan Ramadan adalah bulan terbaik untuk kita meningkatkan segala amal kebaikan serta melipatgandakan amal ibadat kepada-Nya. Pada bulan Ramadan juga, kita digalakkan untuk bersedekah dan memberikan bantuan kepada golongan yang memerlukan.

6. Saya difahamkan, pada hari ini, **seramai 150 orang** bakal menerima sumbangan bantuan Ramadan peringkat Parlimen Kota Melaka bagi tahun ini. Semoga, sumbangan ini sedikit sebanyak dapat mencerikan dan memberi kegembiraan kepada tuan-tuan dan puan-puan untuk meraikan kedatangan 1 Syawal nanti.
7. Kita kini sedang melalui Fasa sepuluh malam terakhir Ramadan. Sesungguhnya pada fasa ini terdapat satu malam yang lebih mulia daripada seribu bulan iaitu Malam Lailatul Qadar.

Tuan-tuan dan puan-puan yang dihormati sekalian,

PEMATUHAN TERHADAP SOP BAZAR RAMADAN

8. Ramadan kali ini agak berbeza berbanding tahun sebelumnya di mana pada tahun ini, Kerajaan Negeri Melaka telah membenarkan operasi bazar Ramadan, penyediaan bufet Ramadan di hotel-hotel serta kedai-kedai makanan. Kerajaan Negeri juga membenarkan pelaksanaan solat Tarawih di masjid-masjid, surau-sarau serta madrasah-madrasah di negeri ini, tertakluk kepada Porsedur Operasi Standard (SOP) yang ditetapkan.

9. Di kesempatan ini, suka saya mengingatkan kepada tuan-tuan dan puan-puan bahawa kebenaran yang diberi ini adalah bersyarat iaitu menjadi tanggungjawab ke atas diri tuan-tuan dan puan-puan untuk memastikan Prosedur Operasi Standard (SOP) yang telah ditetapkan oleh pihak kerajaan mesti dipatuhi pada setiap masa. Amalan norma baharu ini perlu menjadi asas kehidupan seharian kita pada masa ini. Saya cukup bimbang dengan gelombang ketiga wabak COVID-19 ini, terutama apabila bilangan kes yang semakin meningkat semula di Negeri Melaka.

10. Seperkara lagi, suka saya menyeru kepada seluruh rakyat Negeri Melaka khususnya penduduk di Daerah Melaka Tengah ini atau Parlimen Kota Melaka untuk membuat pendaftaran bagi menerima suntikan vaksin COVID-19 dengan segera. Pendaftaran boleh dibuat secara dalam talian, menerusi aplikasi MySejahtera atau laman sesawang khas di www.vaksincovid.gov.my, atau menerusi Borang Pendaftaran Vaksin yang telah diedarkan menerusi JPKK masing-masing.

Tuan-tuan dan puan-puan yang saya hormati sekalian,

PENUTUP

11. Kepada semua penerima sumbangan yang diraikan pada petang ini, semoga dengan kehadiran tuan-tuan dan puan-puan, sedikit sebanyak dapat memberi peluang untuk saya beramah mesra dan berinteraksi dengan tuan-tuan dan puan-puan, seterusnya melaksanakan hasrat kerajaan dalam menyampaikan amanah secara terus kepada rakyat.

12. Pada kesempatan ini, saya mewakili Kerajaan Negeri Melaka mengucapkan Selamat Menyambut Hari Raya Aidilfitri, Maaf Zahir dan Batin.

Sekian.

وَبِاللّٰهِ التَّوْفِیْقِ وَالْهُدَايَةِ وَالسَّلَامِ عَلَیْكُمْ وَرَحْمَةُ اللّٰهِ وَبَرَكَاتُهُ